

PENYATA PENERUSI

Bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya sekali lagi membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit Lion Industries Corporation Berhad bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2011.

PRESTASI KEWANGAN

Tahun kewangan kali ini adalah tempoh yang sukar bagi Kumpulan apabila industri keluli terjejas teruk akibat kenaikan tinggi kos bahan mentah dan pemulihan ekonomi sejagat menjadi sebaliknya daripada yang diharapkan. Setengah tahun pertama menyaksikan peningkatan mendadak harga bahan mentah disebabkan permintaan tinggi oleh China untuk bijih besi dan bahan mentah lain dalam pembuatan keluli. Harga bijih besi dan arang batu kok yang melonjak menyebabkan para pelombong bijih besi mengambil peluang untuk memaksa supaya perubahan dilakukan ke atas harga kontrak tahunan kepada harga berdasarkan sistem baru yang menggunakan penanda aras suku tahun. Peningkatan kos input yang besar telah menghakis margin semasa kita dalam separuh pertama tahun kewangan. Ketika harga keluli antarabangsa mulai pulih dalam separuh kedua tahun kewangan, permintaan terjejas berikutan krisis hutang yang melanda negara-negara di Eropah, penurunan penarafan hutang Amerika Syarikat dan bencana alam di Jepun.

Sepanjang tempoh dalam separuh tahun kedua, permintaan keluli terus lemah apabila ekonomi negara-negara Barat bergelut untuk mengelak daripada terjerumus dalam kemelesetan manakala negara-negara ekonomi baru muncul di Asia mulai membuat semakan semula dengan menurunkan kadar pertumbuhan mereka.

Walaupun terpaksa berdepan dengan cabaran baru akibat kos input yang lebih tinggi dan persekitaran luaran yang semakin buruk, Kumpulan berjaya mencatatkan keuntungan operasi sebanyak RM37 juta berbanding RM357 juta pada tahun lepas. Hasil sumbangan yang diperoleh daripada syarikat-syarikat usaha sama dan sekutu kita, keuntungan sebelum cukai yang dicatatkan pada tahun ini berjumlah RM106 juta. Kumpulan juga meraih perolehan lebih tinggi berjumlah RM4.95 bilion berbanding RM4.47 bilion pada tahun lepas. Pencapaian ini disumbangkan terutamanya oleh perniagaan bahan binaan di bawah Lion Forest Industries Berhad ("LFIB"), subsidiari senaraian awam di mana Kumpulan memegang 72% ekuiti kepentingan. LFIB juga telah menyempurnakan pelupusan perniagaan tayarnya di bawah Silverstone Berhad and Shandong Silverstone LuHe Rubber & Tyre Co Ltd (kini dikenali sebagai Toyo Tire (Zhucheng) Co Ltd ("Shandong Silverstone").

PERKEMBANGAN KORPORAT

Berikut adalah perkembangan penting korporat yang dilaksanakan oleh Kumpulan:

- (i) Pada 10 Disember 2010, Lion AMB Resources Berhad (dahulunya dikenali sebagai Silverstone Corporation Berhad) ("Lion AMB"), sebelumnya subsidiari 84% kepentingan dimiliki LFIB, telah menyempurnakan pelupusan 100% kepentingan ekuiti dalam Silverstone Berhad, untuk bayaran tunai RM462 juta.

- (ii) Pada 3 Mac 2011, Syarikat telah mengumumkan cadangan-cadangan berikut:

- (a) Cadangan usaha sama antara LICB, Lion Diversified Holdings Berhad and LFIB dalam Lion Blast Furnace Sdn Bhd ("LBF"), dengan pegangan saham masing-masing sebanyak 29%, 51% dan 20%;
- (b) Cadangan pelupusan sebidang tanah pegangan bebas oleh Amsteel Mills Sdn Bhd, subsidiari 99% kepentingan dimiliki Kumpulan kepada LBF pada pertimbangan harga sekitar RM16.2 juta; dan
- (c) Cadangan peruntukan bantuan kewangan oleh LICB kepada LBF dalam bentuk jaminan korporat dan akujanji sekuriti mengikut kadar pemegangan saham dalam LBF untuk LBF dan subsidiarinya mendapatkan kemudahan pinjaman berhubung projek relau bagas.

Cadangan-cadangan berkenaan tertakluk kelulusan para pemegang saham dan pihak berkuasa berkaitan.

- (iii) Kumpulan LFIB pada 19 Januari 2011 telah menyelesaikan pengambilalihan baki 25% kepentingan ekuiti dalam Shandong Silverstone untuk pertimbangan tunai sebanyak AS\$6.6 juta (bersamaan RM20.3 juta). Berikutan itu, Shandong Silverstone menjadi subsidiari milik penuh Kumpulan LFIB.

Pada 12 April 2011, Kumpulan LFIB telah memeterai perjanjian berikut dengan Toyo Tire & Rubber Co Ltd ("Toyo Tire"):

- (a) Perjanjian Saham dan Pertukaran Belum Terima Bersyarat untuk pelupusan 75% kepentingan ekuiti dalam Shandong Silverstone pada pertimbangan tunai AS\$21.6 juta (bersamaan kira-kira RM65.3 juta) yang selesai pada 29 Jun 2011; dan
- (b) Perjanjian Opsyen Jual dan Beli bagi pelupusan baki 25% kepentingan ekuiti dalam Shandong Silverstone. Pada akhir tempoh pelaporan, baik Kumpulan LFIB ataupun Toyo Tire, masing-masing tidak melaksanakan opsyen berkenaan.

- (iv) Harta Impiana Sdn Bhd ("Harta Impiana"), subsidiari milik penuh LFIB, pada 7 Julai 2011 telah memeterai Perjanjian Induk Perkhidmatan dengan Seng Enterprise Co Ltd ("Seng Enterprise") bagi membantu mendapatkan konsesi tanah ekonomi ("ELC") di Kemboja untuk tempoh konsesi tidak kurang daripada 70 tahun bagi perladangan getah dan/atau sawit. Selaras dengan itu, sepuluh bidang ELC dengan kos keseluruhan berjumlah AS\$41.5 juta (bersamaan RM125.3 juta) telah dikenalpasti pada tarikh laporan dibuat.

- (v) Kumpulan LFIB pada 14 Oktober 2011 telah memeterai satu perjanjian dengan Jincheng Group Co Ltd untuk melupuskan keseluruhan 47.73% kepentingan ekuiti dalam Nanjing Jincheng Machinery Co Ltd untuk bayaran tunai sebanyak RMB120 juta (bersamaan RM56 juta).

Butiran penuh perkembangan korporat di atas terkandung dalam muka surat 52 kepada 53 dan 153 Laporan Tahunan ini.

DIVIDEN

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mencadangkan dividen pertama dan terakhir sebanyak 3% atau 3 sen sesaham (2010: 1% atau 1 sen sesaham), ditolak 25% cukai pendapatan (2010: 25%) dan dividen satu peringkat sebanyak 1% atau 1 sen sesaham (2010: Sifar) bagi tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2011. Jumlah dividen bersih belum bayar, jika diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan akan berjumlah RM23.3 juta (2010: RM5.4 juta).

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Kita memperakui pentingnya Tanggungjawab Sosial Korporat ("CSR") sebagai sebahagian daripada perniagaan dan telah menerapkan rangka kerja CSR dalam rancangan perniagaan untuk meningkatkan keyakinan pemegang kepentingan akauntibiliti dan ketelusan. CSR adalah komponen yang penting dalam amalan perniagaan yang baik disasarkan ke arah menambah baik masyarakat dan alam sekitar.

Masyarakat

Dalam menjalankan aktiviti perniagaan, Kumpulan sentiasa peka kepada tanggungjawabnya sebagai warga korporat dalam memberi sumbangan kepada masyarakat di samping meningkatkan keuntungan dan nilai pemegang saham. Kumpulan menumpukan usaha membantu masyarakat di dalam bidang pendidikan dan penjagaan kesihatan melalui dua buah Yayasan yang ditubuhkan oleh Syarikat-syarikat Kumpulan Lion yang mana Kumpulan merupakan salah satu daripada ahlinya.

Yayasan Lion-Parkson mengagihkan dana untuk pelbagai tujuan termasuk pendidikan, kebajikan dan penyelidikan saintifik; dan pada setiap tahun menawarkan biasiswa dan pinjaman pendidikan kepada bakal graduan universiti tempatan. Yayasan juga terlibat dalam program tahunan Educare di mana kesemua stor Parkson menyediakan pusat mengumpul keperluan persekolahan seperti pakaian, kasut dan peralatan yang disumbangkan oleh orang ramai, yang akan disalurkan kepada pelajar yang memerlukan di seluruh negara. Tabung Bantuan Perubatan Kumpulan Lion menyediakan bantuan kewangan kepada mereka yang kurang bernasib baik untuk mendapatkan rawatan perubatan termasuk pembedahan, pembelian peralatan perubatan dan ubat-ubatan. Tabung ini juga menaja program kesihatan kemasyarakatan seperti kem-kem kesihatan dan pembelian mesin-mesin dialisis bagi keperluan Pusat Dialisis yang menawarkan perkhidmatan secara bersubsidi kepada pesakit buah pinggang.

Kumpulan juga menyumbang kepada masyarakat melalui penyertaannya dalam program kebajikan dan kempen pungutan derma bagi membantu mereka yang memerlukan.

Alam sekitar

Ketika penekanan diberikan kepada kemajuan teknologi dan industri, Kumpulan amat prihatin terhadap isu alam sekitar termasuk meneroka teknologi terkini dan menerima pakai amalan perniagaan yang mesra alam. Operasi-operasi Kumpulan mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar yang diguna pakai oleh industri yang ia mempunyai operasi. Ini termasuk pengurusan pelepasan bahan buangan yang bertujuan mengurangkan penggunaan tenaga, sisa buangan dan pelepasan asap.

Kumpulan mengguna pakai peraturan-peraturan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar secara sistematik, diperkukuhkan dengan latihan dan pengawasan berterusan untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan para pekerja.

PROSPEK

Melangkah ke hadapan, persekitaran operasi perniagaan-perniagaan Kumpulan dijangka kekal mencabar terutamanya dengan ketidakpastian keupayaan ekonomi negara-negara maju untuk kembali mencatat pemulihan. Permintaan terhadap produk-produk keluli dijangka lemah manakala harga bahan mentah kekal tidak menentu.

Di dalam negara, permintaan terhadap produk-produk keluli dijangka kekal kukuh, didorong terutamanya oleh permintaan tinggi daripada sektor swasta dan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di bawah Program Transformasi Ekonomi. Dalam keadaan ini, segmen perniagaan keluli kita dijangka akan mencapai hasil kewangan yang memuaskan pada tahun hadapan.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin menyatakan penghargaan kami kepada semua pemegang saham, pelanggan, pembiaya kewangan, sekutu perniagaan dan pihak berkuasa kerajaan serta pengawal selia yang dihargai atas sokongan dan keyakinan mereka kepada Kumpulan di sepanjang tempoh yang mencabar ini.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan yang tidak terhingga kepada rakan-rakan Pengarah atas bimbingan, sokongan dan sumbangan yang tidak ternilai mereka selama ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan atas dedikasi dan komitmen kepada Kumpulan.

TUN MUSA HITAM
Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

On behalf of the Board of Directors ("Board"), I am pleased to present the Annual Report and Audited Financial Statements of Lion Industries Corporation Berhad ("LICB" or "the Group") for the financial year ended 30 June 2011.

FINANCIAL PERFORMANCE

It was a trying year for the Group as the local steel industry was adversely affected by higher raw material costs and a reversal in the tentative global economic recovery. The first half year was marked by spiralling raw material prices caused by China's insatiable demand for iron ore and other raw materials for steel-making. As prices of iron ore and coking coal soared, it provided an opportunity for iron ore miners to force a change from annual contract prices to the new quarterly benchmark system. Our input costs rose significantly thus impacting on margins during the first half year under review. As international steel prices were beginning to recover in the second half year, demand was severely eroded by the debt crisis affecting countries in Europe, the United States debt rating downgrade as well as the natural disasters in Japan.

Throughout most of the second half year, steel demand was soft as the Western economies struggled to stay afloat and emerging economies in Asia began revising their economic growth rate downwards.

Despite having to face new challenges arising from higher input costs and the increasingly adverse external environment, the Group was able to record an operating profit of RM37 million against RM357 million achieved last year. Together with contribution from our joint venture and associated companies, a profit before tax of RM106 million was recorded this year. Group revenue was higher at RM4.95 billion as against RM4.47 billion last year. The higher revenue was mainly contributed by the building material business under Lion Forest Industries Berhad ("LFIB"), a 72% listed subsidiary of the Group. LFIB had also completed the disposal of its tyre business under Silverstone Berhad and Shandong Silverstone LuHe Rubber & Tyre Co Ltd (now known as Toyo Tire (Zhucheng) Co Ltd ("Shandong Silverstone").

CORPORATE DEVELOPMENTS

The following are the significant corporate developments undertaken by the Group:

- (i) On 10 December 2010, Lion AMB Resources Berhad (formerly known as Silverstone Corporation Berhad) ("Lion AMB"), a then 84%-owned subsidiary company of LFIB, completed the disposal of its entire 100% equity interest in Silverstone Berhad, for a cash consideration of RM462 million.
- (ii) On 3 March 2011, the Company announced the following proposals:

- (a) Proposed joint venture among LICB, Lion Diversified Holdings Berhad and LFIB in Lion Blast Furnace Sdn Bhd ("LBF") with the shareholding of 29%, 51% and 20% respectively;
- (b) Proposed disposal by Amsteel Mills Sdn Bhd, a 99%-owned subsidiary company of the Group, to LBF of a parcel of freehold land for a cash consideration of approximately RM16.2 million; and
- (c) Proposed provision of financial assistance by LICB in the form of a corporate guarantee and pledge of security proportionate to its shareholding in LBF for the latter and its subsidiary company to secure a loan facility in relation to the blast furnace project.

The proposals are pending the approvals from the shareholders and other relevant authorities.

- (iii) The LFIB Group had on 19 January 2011 completed the acquisition of the remaining 25% equity interest in Shandong Silverstone for a cash consideration of USD6.6 million (equivalent to RM20.3 million). Consequent thereupon, Shandong Silverstone became a wholly-owned subsidiary company of the LFIB Group.

On 12 April 2011, the LFIB Group entered into the following agreements with Toyo Tire & Rubber Co Ltd ("Toyo Tire"):

- (a) Conditional Share and Receivable Transfer Agreement for the disposal of 75% equity interest in Shandong Silverstone for a cash consideration of USD21.6 million (equivalent to RM65.3 million) which was completed on 29 June 2011; and
- (b) Put and Call Option Agreement for the disposal of the remaining 25% equity interest in Shandong Silverstone by way of a call and put option. At the end of the reporting period, neither the LFIB Group nor Toyo Tire exercised its option.
- (iv) Harta Impiana Sdn Bhd ("Harta Impiana"), a wholly-owned subsidiary company of LFIB, had on 7 July 2011 entered into a Master Service Agreement with Seng Enterprise Co Ltd ("Seng Enterprise") whereby Seng Enterprise shall assist to procure economic land concession ("ELC") in Cambodia for a concession period of not less than 70 years for the purposes of plantation of rubber and/or oil palm. Pursuant thereto, ten parcels of ELC for a total cost of USD41.5 million (equivalent to RM125.3 million) have been identified as of the report date.

- (v) The LFIB Group had on 14 October 2011 entered into an agreement with Jincheng Group Co Ltd to dispose of its entire 47.73% equity interest in Nanjing Jincheng Machinery Co Ltd for a cash consideration of RMB120 million (equivalent to RM56 million).

Full details of the corporate developments above are contained in pages 52 to 53 and 153 of this Annual Report.

DIVIDEND

The Board of Directors is pleased to recommend a first and final dividend of 3% or 3 sen per share (2010: 1% or 1 sen per share), less 25% income tax (2010: 25%) and a single-tier dividend of 1% or 1 sen per share (2010: Nil) for the financial year ended 30 June 2011. Total net dividend payable, if approved at the Annual General Meeting, will amount to RM23.3 million (2010: RM5.4 million).

CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

We recognise the importance of Corporate Social Responsibility (“CSR”) as an integral part of business and incorporating a CSR framework into our business plan to enhance stakeholder confidence, accountability and transparency. CSR is an important component of good business practice aimed at improving society and the environment.

Society

In carrying out its business activities, the Group is mindful of its responsibilities as a corporate citizen, in giving back to society while contributing to the bottom-line and shareholders’ value. The Group is focused on improving the community through education and medical care via the two Foundations established by the Lion Group of Companies of which the Group is a member.

The Lion-Parkson Foundation disburses funds for various needs such as education, charity and scientific research; and every year, awards scholarships and education loans to undergraduates in the local universities. It also participates in the yearly Educare programme with Parkson stores nationwide providing collection bins for the public to donate essential school items such as uniforms, shoes and stationery, which are distributed to needy school children throughout the country. The Lion Group Medical Assistance Fund provides financial assistance to the less fortunate who require medical treatment including surgery, purchase of medical equipment and medication. The Fund also sponsors community health programmes such as medical camps, and the purchase of dialysis machines for Dialysis Centres providing subsidised treatment to those suffering from kidney failure.

The Group also supports the community by participating in charity programmes and fundraising drives to assist those in need.

Environment

While emphasising on technology and industry developments, the Group seeks to uphold environmental concerns including the sourcing of new technologies and opting for business practices that are environmentally friendly. The Group’s operations comply with the environmental laws and regulations governing the industries in which it operates. This includes emissions management aimed at reducing energy consumption, waste and emissions.

The Group subscribes to the safety, health and environmental regulations with a systematic approach reinforced by constant training and monitoring to ensure the safety and well-being of our employees.

PROSPECTS

Moving forward, the operating environment for the Group’s businesses is expected to remain challenging especially in view of the uncertainties surrounding the ability of the advanced economies to turnaround. Demand for steel products is expected to be soft while raw material prices remain volatile.

On the domestic front, demand for steel products is expected to remain firm, driven primarily by the strong domestic demand from the private sector and the initiatives implemented under the Government’s Economic Transformation Programme. Under such circumstances, our steel business segment is expected to achieve a satisfactory set of results next year.

ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board, I wish to express our heartfelt appreciation to all our valued shareholders, customers, financiers, business associates and the various governmental and regulatory authorities for their continued support and confidence in the Group throughout these challenging times.

I would also like to convey my deepest appreciation and gratitude to my fellow Directors for their invaluable guidance, support and contributions.

Last but not least, I would like to place on record my sincere thanks to the management and staff for their dedication and commitment to the Group.

TUN MUSA HITAM
Chairman

主席报告

我谨代表董事部，欣然提呈截至2011年6月30日的会计年度，金狮工业机构有限公司（Lion Industries Corporation Berhad）的常年报告及经审核财务报告。

业绩

对本集团而言，这是历经考验的一年，因为本地钢铁受到原料成本高涨与全球经济复苏逆转的不利影响。此外，鉴于中国对铁矿石与其他制钢原料需求巨大，造成原料价格在上半年内盘旋直上。铁矿石与焦煤价格飚升为铁矿石矿主提供推动改变的机会，从年度合约改成全新的季度标准系统。检讨的首上半年期间，我们投入的成本显著上扬，进而影响利润。尽管国际钢铁价格开始在下半年回扬，但欧洲国家的债务危机、美国债务信用评级下调及日本发生天灾等因素，造成钢铁需求严重下跌。

由于西方经济体继续挣扎以求度过难关及亚洲新兴经济体开始下调经济增长，造成钢铁需求在下半年的大部分时候维持疲弱。

尽管面对更高投入成本及日益不利外在因素的新挑战，本集团仍然有能力取得3千700万令吉的营运盈利，比较去年则为3亿5千700万令吉。联同我们的联营与联号公司的贡献，今年共取得1亿零600万令吉的税前盈利，集团营业额比去年更高，从之前的44亿7千万令吉增长至49亿5千万令吉。更高的营业额主要是来自金狮森林工业有限公司旗下建筑材料业务的贡献。金狮森林工业是本集团持有72%股权的上市子公司。金狮森林工业已完成脱售其列在银石有限公司与山东沪河橡胶轮胎有限公司（现称东洋轮胎（诸城）有限公司）（简称“山东银石”）旗下的轮胎业务。

企业发展

以下是本集团所进行的重大企业发展：

- (i) 2010年12月10日，金狮森林工业有限公司拥有84%股权的子公司——金狮AMB资源有限公司（前称银石机构有限公司“Silverstone Corporation Berhad”），以4亿6千200万令吉的现金代价，完成脱售其在银石有限公司持有的100%股权。
- (ii) 2011年3月3日，本公司宣布以下建议：
 - (a) 建议金狮工业机构有限公司、金狮多元化控股有限公司（Lion Diversified Holdings Berhad）与金狮森林工业有限公司（Lion Forest Industries Berhad）各持29%、51%与20%的股权联营金狮高炉有限公司（Lion Blast Furnace Sdn Bhd）（简称“LBF”）；

- (b) 建议本集团持有99%股权的子公司合营制钢私人有限公司（Amsteel Mills Sdn Bhd），以现金约1千620万令吉的代价，脱售一块永久地契的土地给LBF；和
- (c) 金狮工业机构有限公司按其在LBF的股权比例，为LBF提供财务协助，并施于企业保证及提供担保以便LBF及子公司能够为其高炉计划取得贷款便利。

这些建议仍然有待股东与其他相关机构的批准。

- (iii) 金狮森林工业有限公司集团已于2011年1月19日，以660万美元（约2千零30万令吉）的现金完成收购山东银石余下25%股权。其后，山东银石成为金狮森林工业有限公司集团的独资子公司。

2011年4月12日，金狮森林工业有限公司集团与东洋轮胎橡胶有限公司（Toyo Tire & Rubber Co Ltd）签署以下合约：

- (a) 有条件股票与应收款转移协议。以2千160万美元（约6千530万令吉）的现金代价，脱售山东银石的75%股权。此项股权脱售计划已于2011年6月29日完成；和
- (b) 认售与认购期权协议。以认售及认购期权方式脱售山东银石余下的25%股权。截至本财务报告，双方皆没进行任何认售或认购。
- (iv) Harta Impiana私人有限公司，金狮森林工业有限公司的独资子公司，在2011年7月7日与Seng Enterprise Co Ltd（“Seng Enterprise”）签署合约。Seng Enterprise将协助收购位于柬埔寨不少过70年土地特许专营权的地库，作为种植油棕及/或橡胶树用途。有鉴于此，10块土地价值4千150万美元（约1亿2千530万令吉）已确定。
- (v) 金狮森林工业有限公司集团已在2011年10月14日与金城集团有限公司达成协议，以1亿2千万元人民币（约5千600万令吉）的现金脱售在南京金城机械有限公司持有的47.73%股权。

上述企业发展的详情陈列在本报告的第52至53和153页。

股息

董事部欣然建议，发出第一次兼最终股息3%或每股3仙的股息（2010：1%或每股1仙的股息）必须扣除25%所得税（2010年：25%）和单层股息1%或每股1仙。如果在即将召开的常年股东大会上获得批准，需付的净股息总额为2千330万令吉（2010年：540万令吉）。

企业社会责任

我们认同企业社会责任的重要性并把它视为公司治理框架中不可或缺的一部分，以加强利益相关者的信心、责任感和透明度。企业社会责任是良好营商原则不可或缺的一部分，目的是要改善社会服务和环境发展。

社会

本集团在展开商业活动时，深切了解到作为企业公民的责任，在提高利润和股东企业价值的同时，不忘回馈社会。作为金狮集团成立的两项基金的成员，本集团着重于通过这两项基金，以教育和医疗服务来回馈社会。

金狮百盛基金（Lion-Parkson Foundation）拨款供各种用途，诸如教育、慈善与科学研究；每年都提供奖学金和贷款金给在本地大学深造的在籍大学本科生。它也联合全国百盛商店参与年度教育计划，提供回收箱给大众，以便捐献学校必需品如校服、鞋子和文具，然后分发给全国各地有需要的学童。金狮集团医药援助基金则为迫切需要医疗的不幸社群提供财务援助，包括手术、购置仪器和药物。这项基金也赞助社区保健计划如医疗营，并且添购洗肾机器给那些提供津贴治疗服务给肾病患者的洗肾中心。

本集团也通过参与慈善及捐款活动为社会做出贡献以帮助弱势群体。

环境

在着重科技和工业发展之际，本集团也同时关心环境保护，包括选择环保的新技术与业务运作。本集团的业务运作完全严格遵守其所在领域的环境法律及条例管制。

展望

展望未来，本集团业务的运作将充满挑战，尤其有赖于先进经济体的复苏能力。鉴于原料价格保持波动，钢铁产品的需求预料继续疲弱。

国内市场方面，钢铁产品的需求保持稳定，主要是私人领域与政府经济转型计划的倡议造就了强大需求。这种情况下，我们的钢铁业务明年料保持令人满意的表现。

鸣谢

我谨代表董事部，衷心感谢珍贵的股东、顾客、银行机构、商业伙伴及各政府与执法机构，在具挑战的时刻继续给予本集团支持与信心。

我也至诚感谢董事部成员，感谢他们所给予的珍贵指导、支持与贡献。

最后，我要真诚地感谢管理层和全体职员对集团尽忠职守和为工作献身的精神。

主席
TUN MUSA HITAM